

28/06/2002

Cadangan naik gred penarafan kekal: Moody's

MOODY'S Investors Service (Moody's) mengekalkan cadangannya untuk menaikkan gred penarafan Malaysia, di sebalik peralihan kepemimpinan negara daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tahun depan.

Agensi itu berkata, ini kerana pertukaran pucuk pimpinan Malaysia itu tidak akan menjejaskan kekukuhan asas ekonomi negara ini.

"Rangka kerja institusi Malaysia adalah stabil dan proses peralihan kuasa itu adalah jelas.

"Agensi ini yakin pertukaran Perdana Menteri tidak akan menjejaskan kekukuhan angka tunjuk ekonomi dan kewangan Malaysia," katanya dalam kenyataan di New York semalam.

Kenyataan Moody's itu berkata, isu penggantian Perdana Menteri itu adalah sebahagian daripada analisisnya dan pengumuman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meletak jawatan tahun depan adalah konsisten dengan analisis berkenaan.

Moody's Isnin lalu mengumumkan sedang mengkaji untuk menaikkan penarafan bon mata wang asing, deposit mata wang asing bank dan mata wang asing jangka pendek bagi Malaysia.

Serentak itu, agensi penarafan antarabangsa terbabit juga mengkaji menaikkan penarafan hutang dan deposit enam bank dan dua syarikat utiliti tempatan.

Enam bank itu ialah Malayan Banking Bhd (Maybank), Bumiputra-Commerce Bank Bhd (BCB), RHB Bank Bhd (RHB Bank), Public Bank Bhd (Public Bank), HSBC Bank Malaysia Bhd (HSBC Bank) dan Standard Chartered Bank Malaysia Bhd (Stan-Chart).

Dua syarikat utiliti yang terbabit pula ialah Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan Telekom Malaysia Bhd (Telekom Malaysia).

Penarafan bon mata wang asing Malaysia kini ialah pada Baa2, deposit mata wang asing bank (Baa3) dan mata wang asing jangka pendek (Prime-3).

Agensi itu berkata, kajian semula penarafan itu dilakukan berikutan prestasi kukuh angka tunjuk luaran Malaysia dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi dunia.

Imbangan pembayaran, nisbah kecairan luaran dan kedudukan rizab antarabangsa Malaysia semuanya bertambah baik sepanjang tahun lalu, di sebalik kemerosotan dalam eksport elektronik.

Paras hutang jangka pendek dan hutang luar keseluruhan Malaysia yang rendah turut menyokong kepada kemungkinan menaikkan penarafan negara itu, katanya.

(END)